

MPPJ yakin dapat tanam 1,300 pokok

BH 12 OCT 2000

Oleh Maizura Ismail

PETALING JAYA, Rabu – Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) yakin dapat menanam sekurang-kurangnya 1,300 pokok dalam masa seminit di 12 lokasi sempena Kempen Penanaman Pokok Alaf Baru 2000 pada 15 Oktober ini.

Ahli Majlis MPPJ, Dr Wong Sai Hau berkata, pokok itu akan ditanam di kawasan lapang berdekatan Jalan Gasing Heights 5/69, Jalan PJS 10/11, Jalan PJS 4/19, Jalan PJS 3/32, Jalan SS 5C/9, Jalan SS 23/6, Jalan 20/3, Jalan DU 3/2A, Jalan DU 12/9, Jalan TSB 9, Jalan Mahogany dan Kompleks Bakti Seri Damansara.

“Berdasarkan percubaan yang dilakukan MPPJ, kami hanya memerlukan 45 saat untuk menanam satu pokok. Kami turut menyediakan lubang untuk penanaman pokok,” katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Kebersi-

Kempen sempena Hari Habitat Sedunia 2000 itu mensasarkan 100,000 pokok ditanam di seluruh negara dalam masa satu minit pada jam 9.35 Ahad ini

han dan Alam Sekitar MPPJ di sini, semalam.

Sehubungan itu, Dr Wong mengajak penduduk di kawasan itu menyertai kempen itu dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara taman.

Kempen sempena Hari Habitat Sedunia 2000 itu mensasarkan 100,000 pokok ditanam di seluruh negara dalam masa satu minit pada jam 9.35 Ahad ini untuk disenaraikan dalam Guinness Book of Records.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melancarkan kempen itu di Taman Bukit Jalil dekat sini pada hari berkenaan.

Rekod bagi Malaysian Book of Records kini dipegang oleh Lahad Datu dengan penanaman 10,000 pokok dalam masa seminit pada 1997, manakala Guinness Book of Records dipegang oleh Sao Paulo, Brazil dengan penanaman 24,159 pokok dalam masa seminggu pada 1998.

Dalam perkembangan lain, Dr Wong menasihatkan ibu bapa supaya menjaga kesihatan anak-anak bagi mengelak dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut yang kini dikesan di beberapa negeri.

Kanak-kanak yang mempunyai tanda-tanda penyakit itu juga perlu segera dibawa ke hospital dan melaporkan-

nya kepada Jabatan Kesihatan Daerah atau MPPJ supaya tindakan pencegahan dapat dilakukan.

Antara tanda-tanda penyakit itu ialah demam, sakit kerongkong, sakit kepala, hilang selera makan, ulser dalam tekak, ruam dan melepuh.

Katanya, MPPJ bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Daerah dan pengamal perubatan di kawasan Petaling Jaya bagi mengambil langkah berjaga-jaga kerana Selangor adalah pintu masuk ke negara ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

“Jangkitan ini bukan perkara luar biasa dan tersebar secara bermusim, biasanya pada Ogos. Tetapi tahun ini, ia berlarutan hingga September dan Oktober dan agak membimbangkan apabila mem-babitkan kanak-kanak, terutama tiga tahun ke bawah,” katanya.